



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 31
No. 19

10hb September 1987

TAMBAHAN No. 26
AKTA

Naskah bahasa kebangsaan bagi undang-undang
semakan yang berikut adalah dengan ini diterbitkan
untuk makluman umum:

The national language text of the following revised
law is hereby published for general information:

No. Tajuk ringkas
Akta 135 ... Akta Perkongsian 1961



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 135

AKTA PERKONGSIAN 1961

(Disemak—1974)

Teks ini HANYALAH TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara, Kuala Lumpur, bagi *Partnership Act 1961* sebagaimana disemak dalam tahun 1974. Melainkan dan sehingga ditetapkan sebagai sah di bawah seksyen 7 (1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Akta 32), ia bukannya perundangan.

BAB III

PERKONGSIAN PERKONGSI DENGAN ORANG ORANG YANG BERKONGSI DENGAN MURKA

7. Nama perkongsi untuk mengangkat firma.
8. Perkongsi terikat dengan tindakan bagi pihak firma.
9. Perkongsi yang menggunakan kredit firma bagi tujuan persembahan.
10. Hak dan tanggungjawab firma dalam perkara-perkara berkaitan dengan perkongsi.
11. Liabiliti perkongsi.
12. Liabiliti firma kepada pihak.



Disemak hingga 1hb April 1974

Tarikh ditetapkan untuk mula
berkuatkuasa 1hb Julai 1974

Tarikh disiarkan dalam *Warta* 13hb Jun 1974

Dikanunkan dalam tahun 1961 sebagai Ordinan Sabah No. 1 Tahun 1961.

Dicetak semula pada tahun 1966.

Teks ini merupakan terjemahan oleh Jabatan Penerbitan, Kuala Lumpur, bagi Parlimen. Act (1961) sebagaimana dia. 3966. Akhirnya diterbitkan sebagai salah di bawah seksyen 7 (j) Akta Bahasa Kebangsaan 1963-67 (Akta 32) ia bukannya perundangan.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 135

AKTA PERKONGSIAN 1961 (Disemak—1974)

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

SIFAT PERKONGSIAN

3. Takrif perkongsian.
4. Keadaan-keadaan tertentu yang bukan perkongsian *prima facie*.
5. Penundaan hak seseorang yang memberi pinjaman atau menjual sebagai balasan kepada bahagian keuntungan dalam hal kebangkrapan..
6. Erti firma dan nama-firma.

BAHAGIAN III

HUBUNGAN PEKONGSI-PEKONGSI DENGAN ORANG-ORANG YANG BERURUSAN DENGAN MEREKA

7. Kuasa pekongsi untuk mengikat firma.
8. Pekongsi terikat dengan tindakan bagi pihak firma.
9. Pekongsi yang menggunakan kredit firma bagi maksud persendirian.
10. Efek notis bahawa firma tidak akan terikat dengan tindakan pekongsi.
11. Liabiliti pekongsi.
12. Liabiliti firma kerana salah.

[Susunan Seksyen]

4

AKTA 135

Seksyen

13. Menyalahgunakan wang atau harta yang diterima untuk atau di dalam penajaan firma.
14. Liabiliti kerana salah bersesama dan berasingan.
15. Penggunaan tak wajar akan harta amanah bagi maksud-maksud perkongsian.
16. Orang-orang bertanggung dengan "mengemukakan diri".
17. Pengakuan dan representasi pekongsi.
18. Notis kepada pekongsi yang bertindak adalah notis kepada firma.
19. Liabiliti pekongsi yang masuk dan yang keluar.
20. Pembatalan gerenti yang berterusan melalui penukaran di dalam firma.

BAHAGIAN IV

HUBUNGAN PEKONGSI-PEKONGSI SESAMA SENDIRI

21. Perubahan dengan persetujuan mengenai terma-terma perkongsian.
22. Harta perkongsian.
23. Harta yang dibeli dengan wang perkongsian.
24. Menukar tanah yang dipegang sebagai harta perkongsian kepada harta personal.
25. Prosedur terhadap harta perkongsian bagi hutang penghakiman berasingan pekongsi.
26. Kaedah-kaedah mengenai kepentingan dan tugas pekongsi, tertakluk kepada perjanjian khas.
27. Pemecatan pekongsi.
28. Bersara daripada perkongsian mengikut kehendak.
29. Jika perkongsian bagi tempoh diteruskan selepas, penerusan atas terma-terma lama adalah dianggapkan.
30. Tugas pekongsi untuk memberi akaun, dsb.
31. Pekongsi-pekongsi harus mengakaunkan keuntungan per-sendirian.
32. Kewajipan pekongsi supaya jangan bertanding dengan firma.
33. Hak penerima penyerahhakan terhadap bahagian dalam perkongsian.

BAHAGIAN V

PEMBUBARAN PERKONGSIAN DAN AKIBATNYA

34. Pembubaran kerana penamatan atau notis.
35. Pembubaran kerana kebankrapan, kematian atau pengadaian.

Seksyen

36. Pembubaran kerana perkongsian menyalahi undang-undang.
37. Pembubaran oleh mahkamah.
38. Hak orang-orang yang berurusanniaga dengan firma terhadap anggota-anggota zahir firma.
39. Hak pekongsi untuk memberitahu mengenai pembubaran.
40. Kuasa berterusan pekongsi bagi maksud penggulangan.
41. Hak pekongsi mengenai penggunaan harta perkongsian.
42. Pengumpulan premium jika perkongsian dibubarkan secara pramasa.
43. Hak jika perkongsian dibubarkan kerana fraud atau salah nyataan.
44. Hak pekongsi yang keluar dalam hal tertentu bagi mengongsi keuntungan yang diperolehi selepas pembubaran.
45. Bahagian pekongsi yang bersara atau mati hendaklah menjadi suatu hutang.
46. Kaedah-kaedah bagi membahagikan aset setelah penyelesaian muktamad akan akaun.
47. Kecualian.

2. Dalam Akta ini—

“kebankrapan” ertinya—

- (a) menjadi perkara dalam suatu perintah penghukuman di bawah Akta Kebankrapan 1967;
- (b) membuat perkiraan untuk membayar kepada pemiutang amanah yang kurang daripada amanah sepenuhnya yang terutang; atau
- (c) mati dalam keadaan tak solven;

“urusan” meliputi setiap tred, pekerjaan atau profesion.

BAHAGIAN II

SIFAT PERKONGSIAN

3. (1) Perkongsian ialah perhubungan yang wujud di antara orang-orang yang menjalankan urusan bersama dengan tujuan untuk mendapat keuntungan.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 135

AKTA PERKONGSIAN 1961

(Disemak—1974)

Suatu Akta berhubungan dengan perkongsian.

[Sabah—29hb April 1961;
Negeri-Negeri lain—1hb Julai 1974.]

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perkongsian 1961. Tajuk ringkas.
2. Dalam Akta ini— Tafsiran.

“kebankrapan” ertinya—

 - (a) menjadi perkara dalam suatu perintah penghukuman di bawah Akta Kebankrapan 1967; 55/67.
 - (b) membuat perkiraan untuk membayar kepada pemiutang amaun yang kurang daripada amaun sepenuhnya yang terhutang; atau
 - (c) mati dalam keadaan tak solven;

“urusan” meliputi setiap tred, pekerjaan atau profesion.

BAHAGIAN II

SIFAT PERKONGSIAN

3. (1) Perkongsian ialah perhubungan yang wujud di antara orang-orang yang menjalankan urusan bersama dengan tujuan untuk mendapat keuntungan. Takrif perkongsian.

(2) Perhubungan di antara anggota-anggota sesuatu syarikat atau persatuan yang—

Akta 125.

(a) didaftarkan sebagai suatu syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 atau sebagai suatu koperasi di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubungan dengan koperasi; atau

(b) ditubuhkan atau diperbadankan oleh atau menurut—

(i) mana-mana undang-undang lain yang berkuatkuasa di Malaysia atau mana-mana bahagiannya; atau

(ii) sesuatu surat kurnia, Piagam Diraja atau Akta Parlimen United Kingdom,

bukanlah suatu perkongsian dalam erti Akta ini.

Keadaan-keadaan tertentu yang bukan perkongsian *prima facie*.

4. Untuk menentukan sama ada suatu perkongsian itu wujud atau tidak, perhatian hendaklah diberi kepada kaedah-kaedah berikut:

(a) tenansi bersama, *tenancy in common*, harta bersama atau harta am atau kepunyaan separa tidak dengan sendirinya mewujudkan suatu perkongsian mengenai sesuatu yang dipegang atau dipunyai demikian, sama ada tenan atau pemunya menerima atau tidak menerima apa-apa bahagian keuntungan yang diperolehi melalui penggunaannya;

(b) pembahagian pulangan kasar tidak dengan sendirinya mewujudkan suatu perkongsian, sama ada orang-orang yang berkongsi pulangan sedemikian mempunyai atau tidak mempunyai hak atau kepentingan bersama atau am dalam sesuatu harta yang daripadanya atau daripada penggunaannya pulangan itu diperolehi;

(c) penerimaan oleh seseorang suatu bahagian daripada keuntungan urusan adalah keterangan *prima facie* bahawa dia ialah

seorang pekongsi dalam urusan itu, tetapi penerimaan bahagian sedemikian, atau suatu bayaran yang kontigen atas atau berubah mengikut keuntungan urusan itu, tidak dengan sendirinya membuatnya seorang pekongsi dalam urusan itu; dan khususnya—

- (i) penerimaan oleh seseorang suatu hutang atau lain-lain amaun tertentu jumlahnya, secara ansuran atau sebaliknya, daripada keuntungan yang terakru bagi suatu urusan tidak dengan sendirinya menjadikan dia seorang pekongsi dalam urusan itu atau bertanggung sedemikian;
- (ii) suatu kontrak bagi saraan seorang pengkhidmat atau ejen seorang yang menjalani suatu urusan dengan menerima suatu bahagian daripada keuntungan urusan itu tidak dengan sendirinya membuat pengkhidmat atau ejen itu seorang pekongsi dalam urusan itu atau bertanggung sedemikian;
- (iii) seseorang yang sebagai balu atau anak kepada pekongsi yang telah mati, dan menerima melalui anuiti umpukan daripada keuntungan yang diperolehi dalam urusan di mana si mati adalah seorang pekongsi, bukan, disebabkan hanya oleh penerimaan sedemikian, seorang pekongsi dalam urusan itu atau bertanggung sedemikian;
- (iv) pendahuluan wang secara pinjaman kepada seorang yang menjalani atau yang hampir menjalani sesuatu urusan atas suatu kontrak dengan orang itu bahawa pemberi pinjam hendaklah menerima suatu kadar bunga yang berubah mengikut keuntungan, atau

hendaklah menerima suatu bahagian daripada keuntungan, yang berbangkit daripada menjalankan urusan itu, tidak dengan sendirinya membuat pemberi pinjam itu seorang pekongsi dengan orang atau orang-orang yang menjalankan urusan itu atau bertanggung sedemikian:

Dengan syarat bahawa kontrak itu bertulis dan ditandatangani oleh atau bagi pihak semua pihak kepadanya; dan

- (v) seseorang yang menerima, melalui anuiti atau sebaliknya, umpukan daripada keuntungan urusan sebagai balasan kepada jualan olehnya nama-baik urusan bukan, disebabkan hanya oleh penerimaan sedemikian, seorang pekongsi dalam urusan itu atau bertanggung sedemikian.

Penundaan hak seseorang yang memberi pinjaman atau menjual sebagai balasan kepada bahagian keuntungan dalam hal kebangkrapan.

5. Sekiranya berlaku kebangkrapan seseorang yang kepadanya wang telah didahulukan melalui pinjaman atas suatu kontrak sebagaimana tersebut dalam seksyen 4 (c) (iv), atau kebangkrapan seseorang pembeli nama-baik sebagai balasan bagi suatu bahagian daripada keuntungan perniagaan itu, pemberi pinjaman itu tidak berhak mendapat balik apa-apa jua berkenaan dengan pinjamannya, dan penjual nama-baik itu tidak berhak mendapat balik apa-apa jua berkenaan dengan bahagian keuntungan yang dikontrakkan, sehingga tuntutan pemiutang-pemiutang lain bagi peminjam atau pembeli bagi balasan bernilai dalam bentuk wang atau nilai wang telah diselesaikan.

Erti firma dan nama-firma.

6. Orang-orang yang telah mengikat perkongsian antara satu sama lain, bagi maksud Akta ini, adalah dipanggil secara kolektif sebagai suatu firma, dan nama di bawah mana perniagaan mereka dijalankan adalah dipanggil nama-firma.

BAHAGIAN III

HUBUNGAN PEKONGSI-PEKONGSI DENGAN ORANG-ORANG YANG BERURUSAN DENGAN MEREKA

7. Tiap-tiap pekongsi adalah ejen firma dan pekongsi-pekongsinya yang lain bagi maksud urusan perkongsian itu; dan tindakan tiap-tiap pekongsi yang melakukan apa-apa tindakan bagi perjalanan biasa urusan daripada jenis yang dijalankan oleh firma itu yang mana dia adalah seorang anggota mengikat firma itu dan pekongsi-pekongsinya, melainkan pekongsi yang bertindak sedemikian sebenarnya tidak mempunyai kuasa untuk bertindak bagi firma itu dalam perkara tertentu itu, dan orang yang dengannya dia berurusan sama ada mengetahui bahawa dia tidak mempunyai kuasa atau tidak mengetahui atau mempercayainya sebagai seorang pekongsi.

Kuasa pekongsi untuk mengikat firma.

8. Sesuatu tindakan atau suratcara berhubungan dengan urusan firma itu dan dilakukan atau disempurnakan atas nama firma itu, atau dengan cara yang lain yang menunjukkan niat untuk mengikat firma itu, oleh seseorang yang diberi kuasa, sama ada seorang pekongsi atau tidak, adalah mengikat firma itu dan semua pekongsinya:

Pekongsi terikat dengan tindakan bagi pihak firma.

Dengan syarat bahawa seksyen ini tidak menyentuh sesuatu kaedah am undang-undang berhubungan dengan penyempurnaan suratikatan atau suratcara bolehniaga.

9. Jika seorang pekongsi menyandarkan kredit firma itu bagi maksud yang pada zahirnya tidak berkaitan dengan perjalanan biasa urusan firma itu, firma tidak terikat, melainkan pekongsi itu sebenarnya diberi kuasa secara khusus oleh pekongsi-pekongsi lain; tetapi seksyen ini tidak menyentuh apa-apa liabiliti persendirian yang ditanggung oleh seorang pekongsi individu.

Pekongsi yang menggunakan kredit firma bagi maksud persendirian.

Efek notis
bahawa firma
tidak akan
terikat
dengan
tindakan
pekongsi.

10. Jika telah ada persetujuan di antara pekongsi-pekongsi bahawa sesuatu sekatan hendaklah terletak pada kuasa seorang atau beberapa orang pekongsi untuk mengikat firma itu, tiada apa jua tindakan yang dilakukan berlanggaran dengan persetujuan itu boleh mengikat firma itu berkenaan dengan orang-orang yang mempunyai maklumat mengenai persetujuan itu.

Liabiliti
pekongsi.

11. Tiap-tiap pekongsi suatu firma adalah bertanggung bersesama dengan pekongsi-pekongsi lain bagi semua hutang dan obligasi firma itu yang ditanggung semasa ianya seorang pekongsi; dan selepas kematiannya harta pusakanya juga adalah bertanggung berasingan dalam perjalanan wajar pentadbiran bagi hutang dan obligasi demikian, selagi ianya tidak dijelaskan tetapi tertakluk kepada pembayaran sebelumnya akan hutang berasingannya.

Liabiliti
firma
kerana salah.

12. Jika, melalui sesuatu tindakan atau omitan yang salah seseorang pekongsi yang bertindak dalam perjalanan biasa urusan firma itu atau dengan kuasa pekongsi bersamanya, kerugian atau kecederaan berlaku ke atas mana-mana orang yang bukannya seorang pekongsi dalam firma itu, atau sesuatu penalti tertanggung, firma itu adalah bertanggung baginya setakat yang sama dengan pekongsi yang telah bertindak atau ketinggalan bertindak demikian.

Menyalah-
gunakan
wang atau
harta yang
diterima
untuk atau
di dalam
penjagaan
firma.

13. Dalam keadaan berikut, iaitu:

(a) jika seorang pekongsi, yang bertindak dalam skop bidang kuasanya yang zahir, menerima wang atau harta orang ketiga dan menyalahgunakannya; dan

(b) jika suatu firma dalam perjalanan urusannya menerima wang atau harta orang ketiga, dan wang atau harta yang diterima demikian disalahgunakan oleh seorang atau beberapa orang pekongsi semasa ianya berada dalam jagaan firma itu,

firma itu adalah bertanggung untuk mengganti kerugian itu.

14. Tiap-tiap pekongsi adalah bertanggung bersesama dengan pekongsi bersamanya dan juga bertanggung berasingan bagi segala yang mana firma itu bertanggung di bawah seksyen 12 atau 13 semasa dia menjadi seorang pekongsi di dalamnya.

Liabiliti kerana salah bersesama dan berasingan.

15. Jika seorang pekongsi, yang menjadi pemegang amanah, menggunakan secara tak wajar harta amanah dalam urusan atau atas akaun perkongsian, tiada mana-mana pekongsi lain akan bertanggung bagi harta amanah itu kepada orang-orang yang mempunyai kepentingan benefisial di dalamnya:

Penggunaan tak wajar akan harta amanah bagi maksud-maksud perkongsian.

Dengan syarat seperti berikut:

(a) seksyen ini tidak akan menyentuh sesuatu liabiliti yang ditanggung oleh seseorang pekongsi oleh sebab dia mempunyai maklumat mengenai pecah amanah; dan

(b) tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menghalang wang amanah daripada diikuti dan didapatkan dari firma itu, jika wang amanah masih berada di dalam milik atau di bawah kawalannya.

16. Tiap-tiap orang yang dengan kata-kata yang dilafazkan atau dituliskan atau dengan tingkah lakunya merepresenkan dirinya, atau yang dengan disedarinya membiarkan dirinya, direpresenkan, sebagai seorang pekongsi di dalam suatu firma tertentu adalah bertanggung sebagai seorang pekongsi kepada sesiapa yang dengan mempercayai sesuatu representasi sedemikian telah memberi kredit kepada firma itu, sama ada representasi itu telah atau belum dibuat atau kepada orang yang memberi kredit demikian oleh atau dengan pengetahuan pekongsi yang zahir yang membuat akaun atau membiarkannya dibuat:

Orang-orang bertanggung dengan "mengemukakan diri".

Dengan syarat bahawa jika, selepas kematian seorang pekongsi, urusan perkongsian itu diteruskan dalam nama-firma yang lama, penggunaan terus nama itu atau nama pekongsi yang telah mati sebagai sebahagian daripadanya tidak dengan sendirinya membuat harta

atau benda wasi atau pentadbir bagi pekongsi yang telah mati bertanggung bagi apa-apa hutang perkongsian yang dikontrakkan selepas kematiannya.

Pengakuan dan representasi pekongsi.

17. Pengakuan atau representasi yang dibuat oleh mana-mana pekongsi mengenai hal-ehwal perkongsiannya, dan dalam perjalanan biasa urusannya, adalah keterangan terhadap firma itu.

Notis kepada pekongsi yang bertindak adalah notis kepada firma.

18. Notis kepada mana-mana pekongsi yang selalunya bertindak dalam urusan perkongsian bagi apa-apa perkara berhubungan dengan hal-ehwal perkongsian adalah notis kepada firma itu, kecuali dalam hal fraud ke atas firma yang dilakukan oleh atau dengan persetujuan pekongsi itu.

Liabiliti pekongsi yang masuk dan yang keluar.

19. (1) Seseorang yang diterima masuk sebagai pekongsi di dalam suatu firma yang wujud tidak oleh kerana itu menjadi bertanggung kepada pemiutang-pemiutang firma itu bagi apa-apa yang dilakukan sebelum dia menjadi seorang pekongsi.

(2) Seorang pekongsi yang bersara daripada suatu firma tidak oleh kerana itu terhenti daripada menanggung hutang atau obligasi perkongsian yang ditanggung sebelum dia bersara.

(3) Seorang pekongsi yang bersara boleh dilepaskan daripada sesuatu tanggungan yang wujud dengan dibuat suatu perjanjian bagi maksud itu di antaranya dengan anggota-anggota firma itu yang baru ditubuhkan dan pemiutang-pemiutang, dan perjanjian ini hendaklah sama ada ternyata atau disimpulkan sebagai suatu fakta daripada perjalanan urusanniaga di antara pemiutang dan firma itu yang baru ditubuhkan.

Pembatalan gerenti yang berterusan melalui penukaran di dalam firma.

20. Suatu gerenti berterusan yang diberi sama ada kepada suatu firma atau kepada orang ketiga berkenaan dengan transaksi suatu firma adalah, dengan tidak adanya suatu perjanjian sebaliknya, terbatal bagi transaksi akan datang dengan apa-apa perubahan dalam keanggotaan firma itu yang kepadanya, atau mengenai firma yang berkenaan dengan transaksi yang mana, gerenti itu diberi.

BAHAGIAN IV

HUBUNGAN PEKONGSI-PEKONGSI SESAMA SENDIRI

21. Hak dan tugas bersama pekongsi, sama ada ditentukan oleh perjanjian atau ditafsirkan oleh Akta ini, boleh diubah dengan persetujuan semua pekongsi, dan persetujuan sedemikian boleh sama ada secara ternyata atau disimpulkan daripada sesuatu perjalanan urusniaga.

Perubahan dengan persetujuan mengenai terma-terma perkongsian.

22. (1) Semua harta dan hak dan kepentingan dalam harta yang pada asalnya dibawa ke dalam stok perkongsian atau diperolehi, sama ada melalui pembelian atau sebaliknya, untuk firma itu atau bagi maksud-maksud dan dalam perjalanan urusan perkongsian itu, adalah dalam Akta ini dipanggil harta perkongsian dan mestilah dipegang dan digunakan oleh pekongsi-pekongsi secara eksklusif bagi maksud-maksud perkongsian dan menurut perjanjian perkongsian:

Harta perkongsian.

Dengan syarat bahawa harta di sisi undang-undang atau kepentingan di dalam mana-mana tanah kepunyaan perkongsian itu hendaklah turun mengikut jenis dan tempohnya dan kaedah-kaedah am undang-undang yang terpakai kepadanya tetapi atas amanah, sejauh mana yang perlu, bagi orang-orang yang mempunyai kepentingan benefisial dalam tanah itu di bawah seksyen ini.

(2) Jika tuan punya bersama bagi harta atau kepentingan dalam sesuatu tanah, yang bukan sendirinya harta perkongsian, adalah pekongsi-pekongsi bagi keuntungan yang diperolehi daripada penggunaan tanah itu, dan membeli tanah lain dari keuntungan yang digunakan dengan cara yang sama, tanah yang dibeli sedemikian adalah kepunyaan mereka, jika tidak ada apa-apa perjanjian sebaliknya, bukan sebagai pekongsi-pekongsi, tetapi sebagai tuan punya bersama masing-masingnya bagi harta dan kepentingan yang sama sebagaimana dipegang oleh mereka di dalam tanah yang pertama kali disebutkan pada tarikh pembelian itu.

Harta yang dibeli dengan wang perkongsian.

23. Melainkan jika ternyata niat sebaliknya, harta yang dibeli dengan wang kepunyaan firma adalah disifatkan telah dibeli untuk firma itu.

Menukar tanah yang dipegang sebagai harta perkongsian kepada harta personal.

24. Jika tanah atau sesuatu kepentingan di dalamnya telah menjadi harta perkongsian, ianya hendaklah, melainkan jika ternyata niat sebaliknya dianggapkan di antara pekongsi-pekongsi (termasuk wakil-wakil seorang pekongsi yang telah mati), dan juga di antara waris-waris pekongsi yang telah mati dan wasi-wasi atau pentadbir-pentadbirnya, sebagai harta personal dan bukan sebagai harta real.

Prosedur terhadap harta perkongsian bagi hutang penghakiman berasingan pekongsi.

25. (1) Suatu writ pelaksanaan tidak boleh dikeluarkan terhadap sesuatu harta perkongsian kecuali atas suatu penghakiman terhadap firma itu.

(2) Mahkamah boleh atas permohonan dengan saman oleh seseorang pemiutang penghakiman bagi seorang pekongsi, membuat suatu perintah mem-pertanggungkan kepentingan pekongsi itu di dalam harta dan keuntungan perkongsian dengan bayaran amaun hutang penghakiman dan bunga di atasnya, dan dengan perintah yang sama atau yang berikutnya, boleh melantik seorang penerima bagi bahagian keuntungan pekongsi itu (sama ada telah pun diisytiharkan atau masih terakru), dan bagi apa-apa wang lain yang akan diterimanya berkenaan dengan perkongsian itu, dan mengarahkan semua akaun dan siasatan, dan memberi semua perintah dan arahan lain, yang mungkin telah diarahkan atau diberikan jika gadaian itu telah dibuat bagi kemudahan pemiutang penghakiman oleh pekongsi itu, atau mengikut kehendak hal-keadaan

(3) Pekongsi atau pekongsi-pekongsi lain adalah bebas pada bila-bila masa untuk menebus kepentingan yang digadaikan, atau, jika kepentingan itu diarahkan supaya dijual, untuk membeli kepentingan itu.

26. Kepentingan pekongsi-pekongsi dalam harta perkongsian, dan hak dan tugas mereka berhubungan dengan perkongsian itu, hendaklah ditentukan, tertakluk kepada apa-apa perjanjian, secara ternyata atau tersirat, di antara pekongsi-pekongsi itu, oleh kaedah-kaedah berikut:

Kaedah-kaedah mengenai kepentingan dan tugas pekongsi, tertakluk kepada perjanjian khas.

(a) semua pekongsi adalah berhak berkongsi secara sama rata modal dan keuntungan urusan itu, dan mestilah membuat caruman secara sama rata terhadap kerugian, sama ada kerugian modal atau sebaliknya, yang dialami oleh firma itu;

(b) firma mestilah menanggung-rugi tiap-tiap pekongsi berkenaan dengan bayaran yang dibuat dan liabiliti yang ditanggung olehnya—

(i) dalam perjalanan biasa dan wajar urusan firma itu; atau

(ii) dalam atau mengenai apa-apa yang perlu dilakukan bagi pemeliharaan urusan atau harta firma itu;

(c) seseorang pekongsi yang membuat, bagi maksud perkongsian, apa-apa bayaran atau pendahuluan sebenar yang melebihi amaun modal yang dia telah bersetuju untuk menyumbang, adalah berhak kepada bunga atas kadar lapan peratus setahun dari tarikh bayaran atau pendahuluan itu;

(d) seseorang pekongsi tidak berhak, sebelum keuntungan ditentukan, kepada bunga atas modal yang disumbangkan olehnya;

(e) tiap-tiap pekongsi boleh mengambil bahagian dalam mengurus urusan perkongsian itu;

(f) tiada seorang pun pekongsi boleh berhak menerima saraan kerana bertindak dalam urusan perkongsian itu;

(g) tiada seorang pun boleh diterima sebagai seorang pekongsi tanpa persetujuan semua pekongsi yang ada;

- (h) sesuatu perbalahan yang timbul mengenai perkara-perkara biasa yang berkaitan dengan urusan perkongsian boleh diputuskan oleh majoriti pekongsi, tetapi tiada pertukaran boleh dibuat bagi jenis urusan perkongsian itu tanpa persetujuan semua pekongsi yang ada; dan
- (i) buku-buku perkongsian hendaklah disimpan di tempat urusan perkongsian (atau di tempat utama, jika ada lebih daripada satu tempat) dan tiap-tiap pekongsi, apabila difikirkannya patut, boleh ada akses kepada dan memeriksa dan menyalin mana-mana daripada buku-buku itu.

Pemecatan pekongsi.

27. Majoriti daripada pekongsi tidak boleh memecat seseorang pekongsi melainkan suatu kuasa untuk berbuat demikian diberikan dengan persetujuan nyata di antara pekongsi-pekongsi itu.

Bersara daripada perkongsian mengikut kehendak.

28. (1) Jika tiada apa-apa tempoh tetap dipersetujui bagi jangka masa perkongsian itu, seseorang pekongsi boleh menamatkan perkongsian itu pada bila-bila masa apabila dia memberi notis mengenai niatnya untuk berbuat demikian kepada semua pekongsi lain.

(2) Jika pada asalnya perkongsian itu telah ditubuhkan oleh dokumen bertulis, suatu notis bertulis, yang ditandatangani oleh pekongsi yang memberinya, adalah mencukupi bagi maksud ini.

Jika perkongsian bagi tempoh diteruskan selepas, penerusan atas terma-terma lama adalah di-anggapkan.

29. (1) Jika suatu perkongsian yang diikat bagi suatu tempoh tetap diteruskan setelah tempoh itu tamat, dan tanpa sesuatu perjanjian baru yang nyata, hak dan tugas pekongsi-pekongsi adalah sama seperti pada masa tempoh itu tamat, sejauh mana ianya konsisten dengan insiden perkongsian ikut kehendak.

(2) Penerusan urusan oleh pekongsi-pekongsi atau beberapa daripada mereka yang selalunya bertindak semasa tempoh itu, tanpa sesuatu penyelesaian atau likuidasi hal-ehwal perkongsian, adalah dianggapkan sebagai suatu penerusan perkongsian itu.

30. Pekongsi adalah terikat untuk memberi akaun yang benar dan maklumat sepenuhnya mengenai semua perkara yang melibatkan perkongsian itu kepada mana-mana pekongsi atau wakilnya di sisi undang-undang.

Tugas pekongsi untuk memberi akaun, dsb.

31. (1) Tiap-tiap pekongsi mestilah menerangkan kepada firma sesuatu faedah yang diterimanya, tanpa persetujuan pekongsi-pekongsi lain, daripada sesuatu transaksi berkenaan dengan perkongsian itu atau daripada penggunaan harta, nama atau hubungan urusan perkongsian olehnya.

Pekongsi-pekongsi harus meng-akaunkan keuntungan persendirian.

(2) Seksyen ini juga terpakai bagi transaksi yang dijalankan setelah perkongsian dibubarkan dengan kematian seorang pekongsi, dan sebelum hal-ehwal perkongsian digulungkan sepenuhnya, sama ada oleh seseorang pekongsi penekat atau oleh wakil-wakil pekongsi yang telah mati.

32. Jika seorang pekongsi, tanpa persetujuan pekongsi-pekongsi lain, menjalankan sesuatu urusan yang sama jenisnya dan bertanding dengan urusan firma itu, dia mesti menjelaskan dan membayar kepada firma semua keuntungan yang diperolehinya dalam urusan itu.

Kewajipan pekongsi supaya jangan bertanding dengan firma.

33. (1) Suatu penyerahhakan oleh seseorang pekongsi akan bahagiannya dalam perkongsian, sama ada secara mutlak atau melalui gadai-janji atau gadaian yang boleh ditebus, tidak akan, terhadap pekongsi-pekongsi lain, memberi hak kepada penerima penyerahhakan itu, semasa perkongsian itu berterusan, untuk campur tangan dalam pengurusan atau pentadbiran urusan atau hal-ehwal perkongsian itu, atau untuk menghendaki apa-apa keterangan mengenai transaksi perkongsian itu, atau untuk memeriksa buku-buku perkongsian itu, tetapi memberi hak kepada penerima penyerahhakan untuk menerima bahagian keuntungan yang mana pekongsi yang menyerahhakan itu sepatutnya berhak, dan penerima penyerahhakan mesti menerima akaun keuntungan yang dipersetujui oleh pekongsi-pekongsi.

Hak penerima penyerahhakan terhadap bahagian dalam perkongsian.

(2) Dalam hal suatu pembubaran perkongsian, sama ada berkenaan dengan semua pekongsi atau berkenaan dengan pekongsi yang menyerahhakkan, penerima penyerahhakan adalah berhak untuk menerima bahagian aset perkongsian yang mana pekongsi yang menyerahhakkan itu adalah berhak di antaranya dan pekongsi-pekongsi lain, dan, bagi maksud menentukan bahagian itu, dia berhak menerima akaun perkongsian dari tarikh pembubaran itu.

BAHAGIAN V

PEMBUBARAN PERKONGSIAN DAN AKIBATNYA

Pembubaran kerana penamatan atau notis.

34. (1) Tertakluk kepada sesuatu perjanjian di antara pekongsi-pekongsi, suatu perkongsian adalah dibubarkan—

(a) jika dibuat bagi suatu tempoh tetap, dengan tamatnya tempoh itu;

(b) jika dibuat bagi suatu duganiaga atau usaha, dengan berakhirnya duganiaga atau usaha itu; atau

(c) jika dibuat bagi suatu masa yang tidak ditentukan, dengan seseorang pekongsi memberi notis kepada pekongsi atau pekongsi-pekongsi lain mengenai niatnya untuk membubarkan perkongsian itu.

(2) Dalam hal yang terakhir disebut perkongsian itu terbubar mulai dari tarikh yang disebutkan di dalam notis itu sebagai tarikh pembubaran, atau jika tiada tarikh disebutkan, dari tarikh penyampaian notis itu.

Pembubaran kerana kebankrapan, kematian atau penggadaian.

35. (1) Tertakluk kepada sesuatu perjanjian di antara pekongsi-pekongsi, tiap-tiap perkongsian adalah dibubarkan berkenaan dengan semua pekongsi dengan kematian atau kebankrapan mana-mana pekongsi.

(2) Sesuatu perkongsian, atas opsyen pekongsi-pekongsi lain, boleh dibubarkan jika seseorang pekongsi itu membiarkan bahagian harta perkongsiannya digadaikan di bawah Akta ini bagi hutangnya yang berasingan.

36. Suatu perkongsian adalah dalam tiap-tiap hal terbubar dengan berlakunya suatu kejadian yang menyebabkannya menyalahi undang-undang bagi urusan firma itu dijalankan atau bagi anggota-anggota firma itu menjalankannya dalam perkongsian.

Pembubaran kerana perkongsian menyalahi undang-undang.

37. Atas permohonan oleh seorang pekongsi, mahkamah boleh mendekrikan pembubaran perkongsian dalam hal berikut:

Pembubaran oleh mahkamah.

(a) apabila seorang pekongsi didapati gila atau dipernampakkan, dengan memuaskan hati mahkamah, sebagai tak sempurna akal secara kekal, dalam kedua-dua keadaan permohonan boleh juga dibuat bagi pihak pekongsi itu oleh komitinya, atau sahabat wakil, atau orang yang mempunyai hak untuk campur tangan sebagaimana seseorang pekongsi yang lain;

(b) apabila seorang pekongsi, selain daripada pekongsi yang mendakwa, menjadi dengan sesuatu cara yang lain tak upaya secara kekal untuk melaksanakan bahagiannya bagi kontrak perkongsian;

(c) apabila seorang pekongsi, selain daripada pekongsi yang mendakwa, telah bersalah atas kelakuan, yang pada pendapat mahkamah, setelah perhatian diberi kepada jenis urusan itu, boleh dikira akan menjejaskan perjalanan urusan itu;

(d) apabila seorang pekongsi, selain daripada pekongsi yang mendakwa, dengan sengaja atau dengan kerap mungkir perjanjian perkongsian atau sebaliknya bertindak sedemikian dalam perkara yang berhubungan dengan urusan perkongsian hingga tidak semunasabahnya praktik bagi pekongsi atau pekongsi-pekongsi lain menjalankan urusan perkongsian dengannya;

(e) apabila urusan perkongsian itu hanya boleh dijalankan dengan kerugian; dan

(f) pada bila-bila masa dalam sesuatu hal-keadaan timbul yang, pada pendapat mahkamah, menyebabkannya adil dan saksama supaya perkongsian itu dibubarkan.

Hak orang-orang yang berurusan dengan firma terhadap anggota-anggota zahir firma.

38. (1) Jika seseorang itu berurusan dengan suatu firma setelah ada pertukaran dalam keanggotaannya, dia berhak menganggap semua anggota yang zahir bagi firma lama itu sebagai masih menjadi anggota firma itu sehingga dia menerima notis mengenai pertukaran itu.

(2) Suatu iklan dalam *Warta* Persekutuan mengenai suatu firma yang tempat utama urusannya adalah di Malaysia Barat, dalam *Warta* Sabah mengenai suatu firma yang tempat utama urusannya adalah di Sabah, dan dalam *Warta* Sarawak mengenai suatu firma yang tempat utama urusannya adalah di Sarawak, adalah notis bagi orang-orang yang tidak ada urusan dengan firma itu sebelum tarikh pembubaran atau pertukaran yang diiklankan demikian.

(3) Estet seorang pekongsi yang mati atau yang menjadi bankrap, atau seorang pekongsi yang, dengan tidak diketahui oleh orang yang berurusan dengan firma itu sebagai seorang pekongsi, bersara dari firma itu, tidak bertanggung masing-masingnya bagi hutang perkongsian yang dikontrakkan selepas tarikh kematian, kebangkrapan atau persaraan itu.

Hak pekongsi untuk memberitahu mengenai pembubaran.

39. Atas pembubaran suatu perkongsian atau persaraan seorang pekongsi, mana-mana pekongsi boleh memberitahu kepada awam mengenai pembubaran atau persaraan itu, dan boleh menghendaki pekongsi atau pekongsi-pekongsi yang lain untuk bersetuju bagi maksud itu dalam segala tindakan yang perlu atau wajar, jika ada, yang tidak boleh dijalankan tanpa persetujuannya atau persetujuan mereka.

Kuasa berterusan pekongsi bagi maksud penggulungan.

40. Selepas pembubaran suatu perkongsian, kuasa tiap-tiap pekongsi untuk mengikat firma itu, dan hak dan obligasi lain pekongsi itu, adalah berterusan, walaupun pembubaran itu, sejauh mana yang perlu bagi menggulung hal-ehwal perkongsian itu, dan untuk

menyempurnakan transaksi yang telah dimulakan tetapi belum diselesaikan pada masa pembubaran itu, tetapi tidak sebaliknya:

Dengan syarat bahawa firma itu dalam apa-apa hal pun tidak terikat dengan tindakan seorang pekongsi yang telah menjadi bankrap; tetapi proviso ini tidak menyentuh liabiliti seseorang yang telah, setelah kebangkrutan itu, merepresenkan dirinya atau dengan diketahuinya membiarkan dirinya direpresenkan sebagai seorang pekongsi orang bankrap.

41. Atas pembubaran suatu perkongsian, tiap-tiap pekongsi adalah berhak, terhadap pekongsi-pekongsi lain di dalam firma itu dan semua orang yang menuntut melalui mereka berkenaan dengan kepentingan mereka sebagai pekongsi, supaya harta perkongsian itu digunakan bagi membayar hutang dan liabiliti firma itu, dan supaya aset lebih selepas pembayaran sedemikian digunakan bagi membayar apa-apa yang kena dibayar masing-masingnya kepada pekongsi-pekongsi, setelah menolak apa yang kena dibayar oleh pekongsi-pekongsi itu kepada firma; dan bagi maksud itu seseorang pekongsi atau wakilnya, atas penamatan perkongsian itu, boleh memohon kepada mahkamah untuk menggulung urusan dan hal-ehwal firma itu.

Hak pekongsi mengenai penggunaan harta perkongsian.

42. Jika seorang pekongsi telah membayar premium kepada pekongsi lain apabila memasuki suatu perkongsian bagi suatu tempoh tetap, dan perkongsian itu dibubarkan sebelum tamat tempoh itu selain daripada dengan kematian seorang pekongsi, mahkamah boleh memerintahkan pembayaran balik premium itu, atau sebahagian darinya sebagaimana difikirkan adil, setelah memberi perhatian kepada terma-terma kontrak perkongsian dan kepada jangka masa dalam mana perkongsian itu telah berterusan; melainkan—

Pengumpulan premium jika perkongsian dibubarkan secara pramasa.

(a) pembubaran itu, mengikut penghakiman mahkamah, adalah seluruhnya atau sebahagian besarnya disebabkan oleh salah laku pekongsi yang membayar premium itu, atau

(b) perkongsian itu telah dibubarkan dengan suatu perjanjian yang tidak mengandungi

peruntukan mengenai pemulangan apa-apa bahagian premium itu.

Hak jika perkongsian dibubarkan kerana fraud atau salah nyataan.

43. Jika sesuatu kontrak perkongsian dibatalkan atas alasan fraud atau salah nyataan salah satu pihak daripadanya, pihak yang berhak membatalkan kontrak perkongsian itu adalah berhak, tanpa menjejaskan mana-mana hak lain—

- (a) kepada lien ke atas, atau hak menyimpan, aset lebih perkongsian, setelah menyelesaikan liabiliti perkongsian bagi sesuatu jumlah wang yang dibayar olehnya bagi membeli suatu bahagian dalam perkongsian itu dan bagi apa-apa modal yang dicarumkan olehnya; dan hendaklah
- (b) mengambil tempat pemiutang-pemiutang firma bagi apa-apa bayaran yang dibuat olehnya berkenaan dengan liabiliti perkongsian; dan
- (c) ditanggung-rugi oleh orang yang bersalah kerana fraud atau yang membuat salah nyataan terhadap segala hutang dan liabiliti firma itu.

Hak pekongsi yang keluar dalam hal tertentu bagi mengongsi keuntungan yang diperolehi selepas pembubaran.

44. Jika mana-mana anggota suatu firma telah mati atau sebaliknya terhenti daripada menjadi seorang pekongsi, dan pekongsi-pekongsi yang menakat atau yang berterusan, menjalankan urusan firma itu dengan modal atau aset tanpa apa-apa penyelesaian muktamad akan akaun di antara firma dan pekongsi yang keluar atau harta pusakanya, maka, dengan tidak adanya suatu perjanjian sebaliknya, pekongsi yang keluar atau harta pusakanya adalah berhak, atas opsyennya sendiri atau wakilnya, kepada apa-apa bahagian keuntungan sedemikian yang diperolehi semenjak pembubaran sebagaimana mahkamah dapati disebabkan oleh penggunaan bahagiannya dalam aset perkongsian, atau kepada bunga atas kadar lapan peratus setahun atas amaun bahagiannya dalam aset perkongsian:

Dengan syarat bahawa jika, melalui kontrak perkongsian, suatu opsyen diberi kepada pekongsi-pekongsi yang menakat atau yang berterusan untuk

membeli kepentingan seseorang pekongsi yang telah mati atau keluar, dan opsyen digunakan dengan sewajarnya, harta pusaka pekongsi yang telah mati atau pekongsi yang telah keluar atau harta pusakanya mengikut mana yang berkenaan, tidak berhak kepada apa-apa keuntungan selanjutnya atau keuntungan lain; tetapi jika seseorang pekongsi yang bertindak dengan menggunakan opsyen itu tidak dalam segala aspek yang material mematuhi terma-terma opsyen itu, dia adalah bertanggung untuk menjelaskan (di bawah peruntukan terdahulu seksyen ini.

45. Tertakluk kepada apa-apa perjanjian di antara pekongsi-pekongsi, amaun yang kena dibayar oleh pekongsi yang menakat atau yang berterusan kepada seorang pekongsi yang keluar atau kepada wakil-wakil pekongsi yang telah mati berkenaan dengan bahagian pekongsi yang keluar atau telah mati adalah suatu hutang yang terakru pada tarikh pembubaran atau kematian itu.

Bahagian pekongsi yang bersara atau mati hendaklah menjadi suatu hutang.

46. Dalam menyelesaikan akaun-akaun di antara pekongsi-pekongsi selepas pembubaran perkongsian; kaedah-kaedah berikut hendaklah, tertakluk kepada apa-apa perjanjian, dipatuhi:

Kaedah-kaedah bagi membahagikan aset setelah penyelesaian muktamad akan akaun.

- (a) kerugian, termasuk kerugian dan kekurangan modal, hendaklah terlebih dahulu dibayar daripada keuntungan, kemudian daripada modal dan akhirnya, jika perlu, oleh pekongsi-pekongsi secara individu mengikut kadar yang mereka berhak berkongsi keuntungan; dan
- (b) aset firma itu, termasuk jumlah, jika ada, yang dicarumkan oleh pekongsi untuk menggantikan kerugian atau kekurangan modal, hendaklah digunakan dengan cara dan susunan berikut:
 - (i) bagi membayar hutang dan liabiliti firma itu kepada orang-orang yang bukan pekongsi di dalamnya;

- (ii) bagi membayar kepada setiap pekongsi menurut kadar apa yang kena dibayar oleh firma kepadanya bagi pendahuluan dengan dibezakan daripada modal;
- (iii) bagi membayar setiap pekongsi menurut kadar apa yang kena dibayar oleh firma kepadanya berkenaan dengan modal; dan
- (iv) residu terakhir, jika ada, hendaklah dibahagikan di antara pekongsi-pekongsi mengikut kadar yang keuntungan boleh dibahagikan.

Kecualian.

47. (1) Kaedah-kaedah ekuiti dan *common law* yang terpakai bagi perkongsian hendaklah terus berkuatkuasa, kecuali sejauh mana ianya tak konsisten dengan peruntukan-peruntukan nyata Akta ini.

Akta 125.

(2) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh dibaca sebagai membenarkan sesuatu pertubuhan mengandungi lebih daripada dua puluh orang dibentuk atau menjalankan sesuatu urusan yang berlawanan dengan seksyen 14 (3) (b) Akta Syarikat 1965.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 135

AKTA PERKONGSIAN 1961

(Disemak—1974)

*Butir-butir di bawah seksyen 7 (ii) dan (iii) Akta
Penyemakan Undang-undang 1968 (Akta 1)*

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuatkuasa dari
Sab. P.W.S. 129/63	Perintah dalam Majlis Mesyuarat Sabah, Sarawak dan Singapura (Perlembagaan Negeri) 1963	16-9-1963
P.U.P. 458/64	Perintah Ubahsuaian Undang- undang (Perkongsian) (Sabah) 1964	24-12-1964
Akta A240 ...	Akta Perkongsian (Pindaan) 1974	1-7-1974

SENARAI UNDANG-UNDANG ATAU BAHAGIAN-
BAHAGIANNYA YANG DIGANTI

No.	Tajuk
Ord. Sabah 1 Tahun 1961	Ordinan Perkongsian 1961